

Perlaksanaan Sumpah dan Adab-adabnya Menurut Perspektif Al-Quran

Norwardatun Mohamed Razali

Fakulti Pengajian Quran Sunnah,
Universiti Sains Islam Malaysia,
Bandar Baru Nilai, 71800,
Nilai Negeri Sembilan, Malaysia
Emel: wardatun@usim.edu.my

ABSTRAK

Perbuatan menyandarkan sesuatu dengan sumpah telah menjadi kebiasaan masyarakat sejak zaman dahulu lagi, sama ada dilafazkan untuk menegakkan hak individu, menguatkan kata-kata, atau sekadar kebiasaan agar diyakini kata-katanya. Seiring dengan peredaran zaman, ada di kalangan masyarakat yang menyalahgunakan sumpah untuk kepentingan individu atau pihak tertentu berpunca kejahilan dan kurangnya pendedahan terhadap adab-adab berkaitan sumpah sepertimana yang telah digariskan di dalam al-Quran. Di dalam kajian ini, penulis akan mengkaji ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan sumpah serta perlaksanaannya, kemudian ayat-ayat ini akan dianalisis dengan merujuk kepada kitab-kitab tafsir mu'tabar bagi membantu kita melihat bagaimana al-Quran memberikan panduan berkaitan perkara ini. Kesimpulan daripada kajian ini mendapati bahawa al-Qur'an menjelaskan dengan terperinci bagaimana adab-adab bersumpah serta peraturan yang perlu dipatuhi oleh kita di dalam tiga keadaan berbeza iaitu; sebelum sumpah dilaksanakan, ketika sumpah dilaksanakan dan selepas sumpah dilaksanakan. Perkara ini sekaligus mendidik masyarakat untuk lebih berhati-hati sebelum melafazkan sumpah kerana ia melibatkan ketinggian dan kesucian nama Allah Subhanahu wa ta'ala agar tidak terjatuh ke lembah yang Allah murka.

Kata kunci: Sumpah, Adab-adab bersumpah, mendidik masyarakat.

PENDAHULUAN

Al-Quran merupakan sumber utama sebagai rujukan umat Islam berkaitan hukum-hakam perundangan dan pensyari'atan. Di antara hukum yang diterangkan secara terperinci adalah berkaitan sumpah. Ini kerana timbulnya salah faham berkaitan penggunaan sumpah sehingga membawa kepada mempermainkan penggunaan nama Allah SWT. Di dalam melaksanakan sumpah, kita tidak boleh lari daripada merujuk kepada dua sumber utama perundangan Islam iaitu al-Qur'an dan al-sunnah. Penulisan ini bertujuan untuk mengupas adab-adab dan peraturan untuk menggunakan lafaz sumpah di dalam kehidupan seharian sepertimana yang digariskan di dalam al-Quran.

Penulisan ini menggunakan kaedah kualitatif dengan cara mengumpulkan ayat-ayat berkaitan sumpah dan adab-adab berkaitannya di dalam kitab yang membincangkan secara khusus berkaitan sumpah. Penulis juga menganalisis ayat al-Quran tersebut dengan merujuk kitab-kitab tafsir muktabar untuk mendalami perbincangan berkaitan sesuatu ayat menurut pandangan

ulama tafsir tanpa membincangkan panjang lebar perbincangan ulama fiqh di dalam isu dan hukum-hakam berkaitan sumpah.

Perkataan sumpah di dalam bahasa arab dikenali sebagai *al-Yamin* (اليمين). Dari segi bahasa, *al-Yamin* membawa beberapa maksud antaranya adalah tangan kanan, kekuatan, kudrat, kedudukan yang baik atau mulia (Feiruz Abadi,). Penggunaan *al-Yamin* di dalam bahasa arab sinonim ertinya dengan perkataan *al-Qasam* (القسم), *al-Halaf* (الحلف) dan *al-Ila'* (الإيلاء) (Al-Razi, 2000).

Dari segi istilah pula, ulama' memberikan pengertian berbeza dalam menta'rifkan sumpah. Ibn 'Abidin di dalam kitabnya menjelaskan bahawa *al-Yamin* ialah sebuah 'aqad (ikatan) yang kuat, di mana seseorang yang bersumpah berazam untuk melakukan sesuatu perbuatan atau meninggalkannya (Ibnu 'Abidin, 1992). Adapun Asy-Syarbini menyatakan, *al-Yamin* ialah *mentahqiq* suatu perkara yang tidak *thaabit* (tidak kukuh), perkara yang telah berlaku atau akan berlaku, menafikan atau mensabitkan (mengukuhkan) suatu perkara, suatu yang boleh dilakukan atau tidak boleh dilakukan, suatu yang benar atau dusta dalam keadaan seseorang itu tahu atau jahil mengenainya (As-Syarbini, 1994).

Daripada dua *ta'rif* di atas dapat disimpulkan bahawa di dalam pengertian *al-Yamin* atau sumpah terdapat beberapa perkara:

Pertama: Sumpah bertujuan untuk menguatkan sesuatu dengan menyebut nama Allah *Subhanahu wa ta'ala* atau sifat-sifat-Nya. Oleh kerana itu, ketika bersumpah, disyaratkan untuk menyebut lafaz: "*Wallahi* (والله), *Wabillahi* (وبالله), atau *watallahi* (وتالله) atau selain darinya selagi mana lafaz sumpah tersebut mengandungi salah satu daripada nama-nama Allah *Subhanahu wa ta'ala* atau salah satu daripada sifat-sifat-Nya.

Kedua: Kewujudan niat dan azam ketika melafazkan sumpah menjadikannya terbahagi kepada dua bahagian;

1- *al-yamin al-mun'aqadah* (اليمين المنعقدة) : *Al-yamin al-mun'aqadah* ialah sumpah yang berlaku ketika wujudnya niat atau azam untuk melakukan sesuatu atau meninggalkan sesuatu, ketika berlaku sumpah. Sekiranya sumpah tersebut tidak dilaksanakan atau seseorang membatalkan sumpahnya, maka diwajibkan ke atasnya kaffarah.

2- *al-yamin ghair al-mun'aqadah* (اليمين غير المنعقدة): Merupakan sumpah yang tiada kaffarah sekiranya seseorang tidak melaksanakan atau membatalkan apa yang telah disumpahkannya. Ketiga: *al-Yamin* adalah sumpah yang bertujuan untuk menguatkan sesuatu perkara sama ada perkara tersebut sudah berlaku ataupun perkara yang akan datang. Selain itu sumpah juga bertujuan untuk menafikan atau mengisbatkan (mengukuhkan) sesuatu. Oleh itu, termasuk di dalam perkara ini jenis-jenis sumpah yang lain seperti *al-yamin al-ghumus* (sumpah dusta), *al-ilaa'*, *al-li'an* dan lain-lain.

Melalui kajian ini penulis mendapati terdapat beberapa ayat al-Quran yang menjelaskan tentang sumpah dan secara khusus menerangkan adab-adab yang boleh dilihat melalui tiga keadaan berbeza. Pertama: adab sebelum melaksanakan sumpah. Kedua: adab semasa melaksanakan sumpah. Ketiga: Adab selepas melaksanakan sumpah.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Di antara hukum yang dijelaskan secara terperinci berkaitan mu'amalat di kalangan manusia di dalam al-Qur'an adalah pelaksanaan sumpah. Al-Qur'an berperanan sebagai petunjuk dan hidayah bagi umat manusia seluruhnya. Ketika mana seseorang mahu melaksanakan sesuatu perkara, dia perlu kembali kepada al-Quran supaya tidak lari dari garis panduan yang telah ditetapkan oleh Allah *subhanahu wa ta'ala*.

Para *Fuqaha'* telah membincangkan dengan panjang lebar berkaitan pelaksanaan sumpah dari segi hukum, pembahagian dan penjelasan tentang *kaffarah* secara terperinci di dalam empat mazhab. Adapun perbincangan dari sudut pendidikan al-Quran berkaitan sumpah tidaklah dibincangkan begitu meluas terutamanya berkaitan adab seorang hamba ketika menyandarkan kata-katanya kepada sebuah sumpah yang terikat dengan nama Allah *Subhanahu wa ta'ala*.

Apabila kita merujuk ayat-ayat al-Quran berkaitan pelaksanaan sumpah, ia tidak lari daripada tiga keadaan; sebelum berlaku sumpah, ketika berlaku sumpah dan selepas berlaku sumpah. Dalam setiap kondisi, al-Quran memberikan panduannya yang tersendiri bagi membolehkan kita beramal dengan cara yang betul tanpa melebihi batas yang telah ditetapkan.

1) Adab-adab sebelum berlakunya sumpah

Sebelum seseorang melafazkan atau mahu menyandarkan kata-katanya dengan sumpah yang terikat dengan nama Allah *Subhanahu wa ta'ala*, al-Quran telah menggariskan beberapa panduan berkaitan dengannya. Terdapat dua perkara yang menjadi asas penting sebelum seseorang itu melaksanakan sumpah.

Pertama: Mengelakkan diri dari bersumpah dengan nama Allah

Apabila seseorang bersumpah, haikatnya dia telah menyandarkan kata-katanya dengan nama Allah *Subhanahu wa ta'ala*, sedangkan nama Allah *Subhanahu wa ta'ala* itu seharusnya dipelihara daripada unsur-unsur persendaan. Allah *Subhanahu wa ta'ala* melarang manusia daripada perbuatan melampau-lampau di dalam bersumpah kerana ia boleh membawa kepada perbuatan mempersendakan nama Allah *Subhanahu wa ta'ala* sepertimana yang disebut di dalam firman-Nya:

وَلَا تَجْعَلُوا اللَّهَ عُرْضَةً لِأَيْمَانِكُمْ أَنْ تَبَرُّوا وَتَتَّقُوا وَتُصْلِحُوا بَيْنَ النَّاسِ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Maksudnya: "(dan janganlah kamu jadikan nama) Allah Dalam sumpah kamu sebagai benteng Yang menghalangi kamu daripada berbuat baik dan bertaqwa, serta mendamaikan perbalahan antara sesama manusia. dan (ingatlah), Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa mengetahui." (2:224)

Ahli bahasa mentafsirkan kalimah *الْعُرْضَةُ* dengan dua maksud; Pertama: (المانع) penghalang,

Kedua : terlalu banyak menyebut (Ibnu Manzbur,___). Adapun ahli tafsir ketika mentafsirkan ayat ini juga mentafsirkan dengan dua maksud, yang mana salah satunya bermaksud larangan daripada terlalu banyak bersumpah dengan nama Allah sama ada di dalam perkara yang benar ataupun batil (Al-Alusi,___). Ini adalah sepertimana yang disebut oleh Imam al-Alusi ketika mentafsirkan kalimah *العرضة* yang salah satunya membawa maksud: "Dan janganlah kamu menjadikan Allah sandaran

untuk sumpahmu sehingga dengannya menyebabkan kamu bermain-main dengan banyak bersumpah pada semua perkara yang benar ataupun batil kerana ia adalah satu bentuk daripada mempermainkan nama Allah swt”(Al-Alusi,). Begitu juga Imam al-Razi (2000) yang mengaitkan perbuatan banyak bersumpah ini dengan perbuatan mempermain-mainkan nama Allah: “Allah melarang mempermain-mainkan nama-Nya dengan terlalu banyak bersumpah” (Al-Razi, 2000).

Di antara sebab larangan terlalu banyak bersumpah dengan nama Allah adalah kerana perbuatan ini akan menyebabkan seseorang terbiasa bersumpah sehingga menyangkut kepada perkara yang batil, dan secara tidak langsung akan membawa kepada mempersendakan nama Allah swt, sedangkan kita sepatutnya memelihara dan menjauhkan diri daripada perbuatan seumpama itu.

1.1.1. Perbuatan terlalu banyak bersumpah bukan sahaja melibatkan hubungan kita dengan Allah swt, tetapi melibatkan juga pandangan manusia terhadap sifat individu itu sendiri. Ini kerana orang yang terlalu banyak bersumpah dikaitkan dengan sifat kehinaan atau pendustaan sepertimana yang disebut di dalam firman-Nya:

وَلَا تُطِعْ كُلَّ حَلَّافٍ مَّهِينٍ

Bermaksud: “Dan janganlah kamu patuh kepada orang yang terlalu banyak bersumpah”(68:10)

Perkataan حَلَّاف di dalam ayat ini membawa maksud orang yang terlalu banyak bersumpah di dalam perkara yang benar ataupun dusta (Al-Razi, 2000). Sayyid Qutb ketika mentafsirkan ayat ini berkata: “Dia seorang yang banyak bersumpah, dan orang yang banyak bersumpah itu menandakan dia seorang yang tidak bercakap benar. Dia sedar bahawa orang ramai tidak percaya kepadanya, kerana itu dia banyak bersumpah untuk melindungi pembohongannya dan menarik kepercayaan mereka”(Sayyid Qutb, 1992).

Di dalam ayat ini, al-Quran mengaitkan kalimah مَهِين dengan kalimah حَلَّاف membuktikan bahawa orang yang banyak bersumpah sehingga menyangkut perkara dusta merupakan salah satu sifat yang buruk dan terhina. Al-Quran mengeji orang yang terlalu banyak bersumpah kerana perbuatan golongan seperti ini seolah-olah membuktikan bahawa mereka tidak merasai keagungan dan kebesaran Allah. Sifat ini juga merupakan ibu segala kejahatan. Sekiranya seseorang yang terlalu banyak bersumpah di dalam perkara yang benar dicela kerana ianya seolah-olah mempersendakan nama Allah *subhanahu wa ta’ala*, apatah lagi orang yang bersumpah di dalam perkara dusta, maka ia lebih-lebih lagilah dicela (al-Alusi,).

Di sini juga kita melihat bagaimana al-Quran mengaitkan antara orang yang banyak bersumpah dengan sifat banyak berdusta, lalu mengaitkan keduanya dengan kehinaan di kalangan manusia (Al-Razi,). Sayyid Qutb berkata lagi berkenaan perkara ini dengan katanya: “Dia seorang yang hina. Dia tidak menghormati dirinya dan orang ramai tidak menghormatinya. Dia tidak mempercayai dirinya dan orang ramai juga tidak percaya kepadanya”(Sayyid Qutb, 1992).

Oleh itu, orang yang terlalu banyak bersumpah sebenarnya tahu bahawa orang lain hanya akan mempercayainya sekiranya dia bersumpah, dan dia sendiri tahu bahawa dia sebenarnya berdusta di dalam banyak perkara. Ini merupakan sifat kehinaan yang nyata apabila tidak mendapat kepercayaan dari masyarakat apatah lagi diri sendiri.

Justeru sebagai seorang muslim yang mengakui dan mengagungkan kebesaran Allah *subhanahu wa ta’ala*, seharusnya kita memelihara nama Allah *subhanahu wa ta’ala* daripada dipersendakan

serta mengelakkan diri dari terlalu banyak bersumpah dengan nama Allah *subhanahu wa ta'ala* sama ada ia melibatkan perkara yang benar, apatah lagi perkara yang dusta. Ini kerana orang yang berhati-hati untuk bersumpah membuktikan bahawa mereka sangat berjaga-jaga dalam menggunakan nama Allah *subhanahu wa ta'ala* terutama di dalam sumpah mereka kerana orang yang menjaga nama Allah *subhanahu wa ta'ala* dan memuliakan-Nya adalah termasuk golongan orang-orang yang mulia. Adapun orang yang sewenang-wenangnya bersumpah dengan nama Allah *subhanahu wa ta'ala* dalam perkara dusta seolah-olah mereka tidak memuliakan nama Allah *subhanahu wa ta'ala* malah cuba mempersendakan dan mempergunakan nama Allah untuk kepentingan diri sendiri.

Kedua: Bersumpah dalam perkara yang diharuskan dan perlu

Walaupun al-Quran memberitahu kepada kita supaya tidak terlalu banyak bersumpah dengan nama Allah *subhanahu wa ta'ala*, tidaklah bermakna bahawa Allah *subhanahu wa ta'ala* melarang kita bersumpah secara mutlak. Ini kerana di dalam al-Quran terdapat beberapa ayat yang menceritakan tentang perintah Allah *subhanahu wa ta'ala* kepada Rasulullah *sallallahu a'laihi wa sallam* supaya bersumpah dengan nama Allah, tetapi sumpah tersebut bukanlah sumpah yang tiada tujuan bahkan disertakan dengan tujuan dan matlamat. Ibnu Kathir menyebut di dalam tafsirnya, terdapat tiga ayat di mana Allah *subhanahu wa ta'ala* memerintahkan Rasulullah *Sallahu 'alaihi wa sallam* agar bersumpah dengan nama Allah swt:

Ayat pertama:

وَيَسْتَنْبِئُونَكَ أَحَقُّ هُوَ قُلْ إِي وَرَبِّي إِنَّهُ لَحَقٌّ وَمَا أَنْتُمْ بِمُعْجِزِينَ

Maksudnya: *dan mereka (yang meminta disegerakan azab) itu akan bertanya kepadamu (Wahai Muhammad): "Adakah kedatangan azab Yang dijanjikan itu benar?" Jawablah: "Ya, Demi Tuhanku! Sesungguhnya adalah ia benar! dan kamu tidak sekali-kali berkuasa menahan kedatangannya" (10:53)*

Ayat kedua:

زَعَمَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنْ لَنْ يُبْعَثُوا قُلْ بَلَى وَرَبِّي لَتُبْعَثُنَّ ثُمَّ لَتُنَبَّؤُنَّ بِمَا عَمِلْتُمْ وَذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ

Maksudnya: *(di antara sebab-sebab kufur) orang-orang Yang kafir (ialah kerana mereka) mengatakan Bahawa mereka tidak sekali-kali akan di bangkitkan (Sesudah mati). katakanlah: "Bahkan, Demi Tuhanku, kamu akan dibangkitkan, kemudian kamu akan diberitahu tentang Segala Yang kamu telah kerjakan. dan Yang demikian itu adalah mudah bagi Allah melaksanakannya (64:7)*

Ayat ketiga:

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَا تَأْتِينَا السَّاعَةُ قُلْ بَلَى وَرَبِّي لَتَأْتِيَنَّكُمْ عَالِمِ الْغَيْبِ لَا يَعْزُبُ عَنْهُ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ فِي السَّمَاوَاتِ وَلَا فِي الْأَرْضِ وَلَا أَصْغَرُ مِنْ ذَلِكَ وَلَا أَكْبَرُ إِلَّا فِي كِتَابٍ مُبِينٍ

Maksudnya: *dan orang-orang Yang kafir berkata: "hari kiamat itu tidak akan datang kepada kami". Katakanlah (Wahai Muhammad): "Bahkan (tetap datang). Demi Tuhanku Yang mengetahui Segala perkara Yang ghaib, hari kiamat itu Sesungguhnya akan datang kepada kamu". tiada tersembunyi dari pengetahuannya barang seberat debu Yang ada di langit atau di bumi, dan tidak ada Yang lebih*

kecil dari itu atau Yang lebih besar melainkan semuanya tertulis di Dalam Kitab Yang terang nyata (34:3)

Ketiga-tiga ayat ini merupakan perintah Allah *subhanahu wa ta'ala* kepada Rasulullah *sallallahu a'laihi wa sallam* agar bersumpah dengan nama Allah tentang kebenaran wujudnya hari kebangkitan dan hari kiamat. Ia bertujuan untuk menolak hujah golongan yang menolak kebenaran dari kalangan orang-orang kafir, munafik dan musyrik (Ibnu Kathir, 2001). Mereka merupakan golongan yang tidak mempercayai adanya hari kiamat, malah mempersenda-sendakan Rasulullah *sallallahu a'laihi wa sallam* dengan mengajukan pertanyaan demi pertanyaan berkaitannya, lalu Allah *subhanahu wa ta'ala* memerintahkan Rasulullah *sallallahu a'laihi wa sallam* agar bersumpah dengan nama Allah *Subhanahu wa ta'ala* bahawa semua yang diperkatakan itu adalah hakikat yang pasti akan berlaku. Oleh itu, apabila Allah memerintahkan Rasulullah *sallallahu a'laihi wa sallam* supaya bersumpah dengan nama Allah *Subhanahu wa ta'ala*, ia bukanlah suatu sumpah yang sia-sia dan tidak bermatlamat.

Kesimpulannya, perbuatan bersumpah tidaklah dilarang secara mutlak malahan ia diharuskan untuk perkara yang berkaitan dengan agama, akidah dan keimanan. Sebagai contohnya di dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan saksi atau menuntut hak di dalam harta, kita dibolehkan untuk menggunakan sumpah kerana ia merupakan salah satu perkara yang berkaitan dengan agama dan ada masalah (kepentingan) untuk kehidupan setiap Muslim.

2) Adab-adab semasa sumpah berlaku

Apabila seseorang bersumpah dengan nama Allah, maka ada perkara yang perlu dijaga sepanjang tempoh ia dilaksanakan. Di dalam al-Quran, terdapat saranan untuk memelihara sumpah daripada terlibat dengan sumpah dusta, dan juga memelihara daripada perbuatan membatalkan sumpah yang telah dibuat. Kedua-dua sarana ini dapat dilihat daripada beberapa *uslub* ayat al-Quran yang boleh kita lihat dalam dua bentuk iaitu *uslub* secara langsung dan *uslub* secara tidak langsung.

Pertama: Memelihara sumpah dari perbuatan membatalkannya (*uslub* Secara langsung)(As-Syiddi, 2006)

Uslub secara langsung bermaksud ayat-ayat al-Quran yang menunjukkan secara langsung tentang perintah untuk memelihara sumpah. Ini adalah sebagaimana yang disebut dalam firman-Nya:

وَاحْفَظُوا أَيْمَانَكُمْ

Maksudnya: “Peliharalah sumpah kamu” (5:89)

Ayat ini menjelaskan bahawa seseorang yang telah melafazkan sumpah tidak boleh membatalkan sumpahnya atau tidak menunaikan sumpah yang telah dilafazkan. Larangan ini bertujuan untuk memelihara seseorang yang telah bersumpah agar tidak merasa kesusahan untuk melaksanakan kaffarah sekiranya dia membatalkan sumpahnya. Ini adalah sepertimana yang dikatakan oleh imam *at-Tabari* di dalam tafsirnya: “Dan peliharalah sumpah kamu daripada perbuatan membatalkannya, yang kemudiannya akan mengakibatkan kamu susah untuk melaksanakan

kaffarah" (at-Thabari, 1999). Ini dikuatkan dengan kata-kata Imam *ar-Razi* ketika mentafsirkan ayat ini beliau berkata: Hendaklah kamu memelihara sumpah tersebut daripada perbuatan membatalkannya, supaya kamu tidak perlu untuk melaksanakan *kaffarah* (ar-Razi, 2000).

Kedua: Memelihara sumpah dari terjatuh kepada sumpah dusta (Uslub secara tidak langsung) (As-Syiddi, 2006):

Di dalam ayat lain, terdapat perintah secara tidak langsung agar kita memelihara sumpah daripada jatuh kepada sumpah dusta. Ini berdasarkan beberapa ayat yang menceritakan bagaimana orang-orang kafir dan munafik ketika zaman Nabi *sallallahu a'laihi wa sallam* menggunakan sumpah untuk tujuan yang berbeza, antaranya bertujuan untuk menyembunyikan kedustaan mereka. Di antaranya ialah firman Allah *subhanahu wa ta'ala*:

وَيَخْلِفُونَ بِاللَّهِ إِيَّاهُمْ لِمَنْكُم مَّا هُمْ مِنْكُمْ وَلَكِنَّهُمْ قَوْمٌ يَفْرُقُونَ

Maksudnya: *"dan mereka (yang munafik itu) bersumpah Dengan nama Allah Bahawa Sesungguhnya mereka dari golongan kamu, padahal mereka bukanlah dari golongan kamu, tetapi mereka ialah suatu kaum Yang pengecut."*(9:56).

Ayat di atas menunjukkan bahawa orang munafik bersumpah dengan nama Allah bahawa mereka adalah dari golongan mukmin. Di dalam ayat ini, Allah telah mengkhabarkan kepada orang yang beriman bahawa orang-orang munafik telah melakukan sumpah dusta. Mereka bukanlah sebahagian dari golongan orang beriman sebaliknya dari golongan yang ragu-ragu dan munafik. Tujuan mereka bersumpah hanyalah semata-mata kerana takut sekiranya orang Mukmin memperlakukan mereka sepertimana diperlakukan kepada orang musyrik, lalu mereka menzahirkan Islam sedangkan di dalam hati mereka mengingkarinya (al-Baidhawi, 1998).

Di dalam ayat lain pula, terdapat sumpah yang dilakukan oleh golongan munafiq dari kalangan Yahudi, sepertimana disebut di dalam firman Allah swt:

إِنَّ الَّذِينَ يَشْتَرُونَ بِعَهْدِ اللَّهِ وَأَيْمَانِهِمْ ثَمَنًا قَلِيلًا أُولَٰئِكَ لَا خَلَاقَ لَهُمْ فِي الْآخِرَةِ وَلَا يُكَلِّمُهُمُ اللَّهُ وَلَا يَنْظُرُ إِلَيْهِمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلَا يُزَكِّيهِمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

Maksudnya: *"Sesungguhnya orang yang memperjualbelikan janji Allah dan sumpah-sumpah mereka dengan harga murah, mereka itu tidak memperoleh bahagian di akhirat, Allah tidak akan menyapa mereka, tidak akan memerhatikan mereka pada hari Kiamat, dan tidak akan menyucikan mereka. Bagi mereka azab yang pedih"* (3:77)

Ayat ini diturunkan sepertimana diriwayatkan oleh imam *al-Bukhari*, bahawa *al-Asy'as bin Qais* berkata: "Antara aku dan seorang lelaki dari kalangan Yahudi mempunyai tanah lalu dia membantahnya, lalu aku membawakan hal tersebut kepada Baginda SAW, lalu Baginda SAW

berkata kepadaku: Adakah kamu mempunyai bukti? Aku menjawab: tidak. Lalu baginda SAW berkata kepada orang Yahudi tersebut: Bersumpahlah. Dan aku berkata: Wahai Rasulullah, sekiranya dia bersumpah, dia akan bawa pergi hartaku sekali. Lalu turunlah ayat di atas.”(Ibnu Hajar, 2004). Menurut Imam *at-Tabari*, ayat ini menceritakan tentang sumpah dusta yang dilakukan oleh orang Yahudi yang telah menggantikan janji mereka kepada Allah *subhanahu wa ta’ala* dengan sumpah dusta, lalu mereka juga menghalalkan apa yang diharamkan oleh Allah *subhanahu wa ta’ala* kepada mereka berupa harta yang diamanahkan kepada mereka semata-mata untuk mengaut keuntungan dunia dan seisinya (at-Tabari, 1999)

Terdapat juga ayat-ayat lain yang tidak disebutkan di sini yang mana ia menunjukkan sumpah dusta yang dilakukan oleh orang Yahudi dan golongan munafik, juga mereka yang mengingkari janji yang disandarkan dengan sumpah kepada Allah *subhanahu wa ta’ala*. Tidak cukup dengan itu, ayat-ayat tersebut menunjukkan ancaman keras daripada Allah *subhanahu wa ta’ala* terhadap golongan Yahudi dan munafik yang melakukan sumpah dusta berupa ancaman dijauhkan dari mendapat nikmat di akhirat kelak dan akan di azab dengan azab yang pedih.

Melalui dua *uslub* yang diterangkan di atas, dapat kita simpulkan bahawa ketika sumpah sedang berlaku, seharusnya kita sedar tentang amaran ini serta mengelakkan diri kita daripada jatuh kepada sumpah dusta dan berusaha memelihara sumpah dengan sebaik-baiknya. Ini kerana kedua-dua perkara ini akan menambah kesusahan kepada pelakunya sekiranya dipandang secara sambil lewa kerana hukuman dan azab yang menanti bukan terhenti setakat di dunia tetapi ia berterusan hingga ke akhirat sekiranya tidak bertaubat.

3) Adab-adab selepas sumpah berlaku

Al-Quran juga menggariskan adab-adab selepas berlakunya sumpah iaitu;

Pertama: Perintah supaya tidak melanggar sumpah yang telah dilafazkan
Apabila seseorang melafazkan sumpah dengan nama Allah, secara automatik seseorang itu telah menyandarkan perkataannya kepada Allah bahawa apa yang dikatakan itu benar, ataupun seseorang telah berjanji dan bersumpah bahawa dia akan melakukan apa yang diperkatakan. Di dalam al-Quran terdapat ayat yang menunjukkan larangan untuk melanggar atau mengingkari sumpah tersebut setelah dilafazkan, sepertimana yang disebutkan dalam firman Allah *subhanahu wa ta’ala*:

وَأَوْفُوا بِعَهْدِ اللَّهِ إِذَا عَاهَدْتُمْ وَلَا تَنْفُضُوا الْأَيْمَانَ بَعْدَ تَوْكِيدِهَا وَقَدْ جَعَلْتُمُ اللَّهَ عَلَيْكُمْ كَفِيلًا إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا تَفْعَلُونَ

Maksudnya: “dan sempurnakanlah pesanan-pesanan dan perintah-perintah Allah apabila kamu berjanji; dan janganlah kamu merombak (mencabuli) sumpah kamu sesudah kamu menguatkannya (dengan nama Allah), sedang kamu telah menjadikan Allah sebagai Penjamin kebaikan kamu; Sesungguhnya Allah sedia mengetahui akan apa Yang kamu lakukan.”(16:91)

Ayat ini diturunkan kepada ahli Madinah yang telah ber*bai’ah* (mengikat perjanjian) dengan Nabi Muhammad *sallallahu ‘alaihi wa sallam*. Mereka diperintahkan untuk tidak mengingkari *bai’ah* tersebut dan diperkukuhkan lagi janji tersebut dengan sumpah ke atas diri mereka sendiri, agar

mereka tidak membatalkan, melakukan pendustaan atau menyalahi bai'ah tersebut (at-Thabari, 1999).

Ibnu kathir menjelaskan maksud الأَيْمَان di dalam ayat ini bermaksud sumpah yang terkandung di dalam perjanjian (Ibnu Kathir, 2001). Imam *al-Alusi* pula mengaitkan lafaz 'العهد' di dalam ayat ini dengan sumpah dan berpendapat wujud kebarangkalian bahawa ia membawa maksud sumpah, sepertimana disebut dalam tafsirnya: berlaku pengulangan di dalam ayat ini di antara perintah menepati janji dan larangan menyalahi sumpah, ini kerana perintah untuk melakukan sesuatu lazimnya membawa maksud larangan untuk meninggalkannya (al-Alusi, _). Adapun Imam *al-Baidhawi* menyebut secara mutlak bahawa maksud 'الأيمان' di dalam ayat di atas ialah أَيْمَانُ الْبَيْعَةِ (sumpah yang berlaku di dalam perjanjian) (al-Baidhawi, 1998).

Melalui penafsiran para ulama tafsir berkaitan ayat tersebut jelas menunjukkan bahawa terdapat larangan menyalahi sumpah yang telah dilafazkan atau membatalkannya sama ada sumpah tersebut dilafazkan bertujuan untuk mengukuhkan sesuatu perjanjian, ataupun untuk membuktikan sesuatu yang diperkatakan itu adalah benar. Ini kerana apabila seseorang telah menyandarkan perkataannya atau perjanjiannya dengan nama Allah, maka dia tidak boleh menyalahinya atau membatalkannya kerana ia seolah-olah menunjukkan bahawa seseorang itu telah mempersendakan nama Allah SWT yang mulia sedangkan ia perbuatan yang harus dijauhi.

Kedua: Larangan untuk menjadikan sumpah sebagai penghalang untuk melakukan kebajikan
Di dalam ayat lain dijelaskan tentang larangan menjadikan sumpah yang sudah dilafazkan itu sebagai penghalang untuk seseorang melakukan kebaikan atau kebajikan. Apa yang dimaksudkan dengan kebaikan atau kebajikan ialah segala perbuatan yang mendekatkan diri kita kepada Allah swt seperti membantu orang lain, menghubungkan silaturrahim dan sebagainya. Allah swt telah menyebut berkenaan perkara ini di dalam firman-Nya:

وَلَا تَجْعَلُوا اللَّهَ عُرْضَةً لِأَيْمَانِكُمْ أَنْ تَبَرُّوا وَتَتَّقُوا وَتُصْلِحُوا بَيْنَ النَّاسِ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Maksudnya: *(dan janganlah kamu jadikan nama Allah dalam sumpah kamu sebagai benteng yang menghalangi kamu daripada berbuat baik dan bertaqwa, serta mendamaikan perbalahan antara sesama manusia. dan (ingatlah), Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa mengetahui (2:224).*

Sepertimana yang disebut di awal kajian ini, ayat di atas mengandungi dua maksud. Yang pertama membawa maksud larangan terlalu melampau di dalam bersumpah dengan nama Allah sama ada di dalam perkara yang benar ataupun batil. Yang kedua ia membawa maksud larangan menjadikan sumpah atau nama Allah sebagai penghalang untuk seseorang itu melakukan kebaikan atau kebajikan. Di dalam kata lain, sekiranya seseorang telah bersumpah, maka seharusnya dia mengelakkan dirinya daripada menjadikan sumpah tersebut sebagai alasan untuk berbuat kebaikan atau kebajikan yang mendekatkan diri kepada Allah swt. Imam *at-Tabari* ketika mentafsirkan ayat ini berkata: *"Dan janganlah kamu jadikan nama Allah sebagai 'illah atau alasan, lalu apabila salah seorang daripada kamu mahukan kebaikan dan islah di antara manusia dia berkata: 'aku telah bersumpah dengan nama Allah untuk tidak melakukannya (kebaikan yang dituntut)', lalu dia menjadikan sumpahnya sebagai sebab untuk meninggalkan perbuatan baik tersebut"* (At-Thabari, 1999).

Justeru, perbuatan menjadikan sumpah sebagai penghalang untuk melakukan kebaikan adalah dilarang sama sekali. Ini kerana di dalam ayat ini Allah menyebutkan tiga perkara yang sukar untuk

manusia lakukan iaitu berbuat baik, bertaqwa dan mendamaikan perbalahan antara sesama manusia. Orang yang menjadikan nama Allah sebagai penghalang untuk berbuat kebaikan seolah-olah telah menjadikan Allah sebagai penghalang di antara dirinya dan perbuatan yang baik sedangkan Allah adalah pemilik segala kebaikan dan Dia menghendaki agar manusia memelihara perbuatan baik, taqwa dan mengislahkan manusia. Oleh kerana itulah Allah melarang seseorang daripada menjadikan sumpah sebagai penghalang dalam melakukan kebaikan (As-Sya'rawi,___).

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, pelaksanaan berkaitan sumpah dijelaskan secara terperinci di dalam al-Quran berbanding hukum-hukum syariat yang lain. Al-Quran menjelaskan tentang adab-adab berkaitan sumpah merangkumi sebelum pelaksanaan, ketika pelaksanaan dan selepas pelaksanaan. Ini membuktikan bahawa ia sangat perlu ditekankan di kalangan masyarakat kerana berkait rapat dengan soal hukum-hakam dan menjaga kesucian nama Allah *Subhanahu wa ta'ala* daripada dipersendakan secara sedar ataupun tidak.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

At-Tabari. M.J. (1999). *Tafsir Jami'ul Bayan fi Ta'wil Aayil Qur'an*. Beirut: Darul Kutub al-Ilmiah.

Al-Aalusi. (___). *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Qur'an al-Azhim wa Sab'ul Mathani*. Egypt: al-Muniriah.

Al-Bhaidhawi. (1998). *Anwar al-tanzil wa Asrar al-Ta'wil*. Beirut: Dar Ihya'at-Turath al-A'rabi.

Al-Razi. (2000). *Mafatih al-Ghaib*. Beirut: Dar Ihya'at-Turath al-A'rabi.

As-Syarbini. S. M., (1994M). *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifati Ma'ani Alfaaz al-Minhaj*. ___: Dar al-Kutub al-Ilmiah.

As-Sya'rawi. M.M. (___). *Tafsir as-Sya'rawi-al-Khawatir*. ___: Mathabi' Akhbar al-Yaum.

As-Syiddi. A. (2006). *Al-Aiman fil Qur'an Dirasah Tafsiriyyah*. Riyadh: Madar al-Wathon.

Feiruz. A. (1992). *Basa'ir Zawi at-Tamyiz*. Kaherah: al-Majlis al'a'la lil Syu'un al-Islamiyyah- Lujnah Ihya' at-Turath al-Islami.

Ibn Abidin. (1992). *Raddu al-Mukhtar wa Raddu al-Mukhtar*. Beirut, Dar al-Fikr.

Ibn Hajar al-Asqalani. (2004). *Fathul Bari Syarhu al-Sahih al-Bukhari*. Kaherah: Dar al-Hadith.

Ibn Kathir. 'Imaduddin Abul Fida' Ismail. (2001). *Tafsir al-Qur'an al-Azhim*. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.

Ibn Manzur. Muhammad bin Mukrim bin Ali. (___). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Saadir.

Sayyid. Q. (1992M). *Fi Zilal al-Qur'an*. Beirut. Dar as-Shuruf.